

Newspaper	Berita Harian
Date	13/12/2012

'Dasar afirmatif perlu dikekalkan'

BH-13/12/2012

» Bantu Melayu tingkat tahap sosioekonomi, rapat jurang kaya, miskin: Dr M

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah@bharian.com.my

Putrajaya

Tindakan afirmatif perlu dikekalkan sehingga orang Melayu mampu bersaing dengan kaum lain, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan negara.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tindakan memberi kelebihan kepada satu pihak itu seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah 'tongkat sementara' bagi orang Melayu meningkatkan tahap sosioekonomi serta merapatkan jurang di antara golongan kaya dan miskin.

"Pada masa depan, kita perlu menerima hakikat tindakan menyebelahi satu pihak bukan lagi simbol ketuanan Melayu. 'Tongkat' harus dilepaskan bila kita rasa Melayu boleh bersaing dengan kaum lain.

"Pada masa itu, kita sudah mempunyai kestabilan membangunkan kek ekonomi jauh



Dr Mahathir melancarkan buku Perdana Discourse Series di Putrajaya, semalam, sambil diperhatikan Azman (dua dari kanan) dan Sazili (kiri).
[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

lebih besar untuk dinikmati semua rakyat berbanding sekarang," katanya dalam ucapan-tama pada Siri Wacana Perdana ke-15, di sini semalam, yang turut dihadiri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah PLF, Tan Sri Azman Hashim dan Pengarah Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Sazili Shahibi.

Wacana bertajuk 'Masa Depan Tindakan Menyebelahi Satu Pihak' itu anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana (PLF)

dan UiTM.

Pada majlis sama, bekas Perdana Menteri turut melancarkan buku *Perdana Discourse Series* yang menghimpunkan koleksi ucapan beliau pada siri wacana berkenaan.

Ubah pemikiran

Dr Mahathir juga mengakui masih banyak perlu dilakukan untuk mengubah pemikiran orang Melayu, namun beliau bersyukur ramai di antara mereka berjaya dalam perniagaan dan mencipta nama di mata dunia.

Katanya, watak dan sikap sesuatu kaum sukar diubah kerana ia berdasarkan sistem nilai kaum itu sendiri, namun jika perubahan sikap mampu mengangkat martabat sesuatu kaum, mereka perlu berubah.

"Anda (Melayu) tidak akan jadi kurang Melayu jika rajin, berdisiplin dan jujur. Jika anda pinjam wang MARA dan fikir tidak perlu bayar, watak buruk ini bukan hanya pada anda tapi semua Melayu akan dilabel sedemikian kerana kegagalan anda menerima kewajipan," katanya.